

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 05/09/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 33

Tajuk : Usahasama bina Merdeka Residensi di Kuantan

Usahasama bina Merdeka Residensi di Kuantan

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

KUANTAN 4 Sept. - My Angkasa Bina, JY Creative (JYC) Development Sdn. Bhd. dan Rangkaian Delima Sdn. Bhd. menjalin usahasama bagi mendirikan sebuah pangsapuri servis 32 tingkat dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang terletak di pusat bandar ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM248 juta tersebut dikenali sebagai Merdeka Residensi.

Beliau berkata, projek itu akan dibina oleh kontraktor utama iaitu JYC bermula tahun ini dan dijangka siap dalam masa empat tahun.

"Apabila siap dibina, Merdeka Residensi akan mempunyai enam unit pejabat, enam unit kedai, empat unit restoran, 361 unit kediaman dan tempat letak kereta bertingkat.

"Harga ditawarkan bawah RM350,000 dan kita akan berbincang dengan pemaju bagi memastikan harganya adalah kompetitif serta mam-



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kanan) melihat model Merdeka Residensi di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

pu dibeli terutama oleh ahli-ahli koperasi di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Merdeka Residensi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa; Pengarah Urusan JYC, Datuk Aw Yong Kai Jan dan Pengarah Eksekutif JYC, Khor Kok Lim.

Abdul Fattah berkata, Merdeka Residensi adalah projek pertama di negeri ini melibatkan Angkasa bagi membantu ahlinya memiliki rumah.

Sementara itu, Kok Lim berkata, Merdeka Residensi dilengkapi dengan sebuah kolam renang infiniti dan gimnasium.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA